

LAWATAN TAPAK PROJEK HOSPITAL LAWAS (76 KATIL) FASA 2B:KERJA BANGUNAN & BERKAITAN

LAWAS, SARAWAK – Projek Hospital Lawas terbahagi kepada tiga fasa iaitu :

- Fasa 1 : Telah siap pada 13 Mac 2013 iaitu kerja-kerja *decanting*;
- Fasa 2A : Telah siap pada 29 November 2015 iaitu meroboh bangunan tertentu, kerja tanah dan *retaining wall*;
- Fasa 2B : Merupakan peringkat perolehan yang melibatkan kerja bangunan.

Skop projek pembinaan Hospital Lawas ialah membina 76 katil yang mengandungi wad pesakit lelaki dan perempuan yang masing-masing 28 katil, wad kanak-kanak sebanyak 20 katil, wad HDW pula sebanyak 4 katil. Turut mempunyai ruang pejabat pentadbiran, unit hemodialisis, bilik bersalin, bilik pembedahan, bilik mayat, *blood bank*, *pathology department* dan bilik x-ray.

Status semasa projek pada masa kini ialah Kementerian Kewangan telah memutuskan keputusan tender ditangguhkan melalui surat bertarikh 9 Januari 2018 dan Kementerian Kewangan juga memohon pelaksanaan semula VM Lab untuk meneliti semula skop dan kos projek. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengadakan Makmal Pengurusan Nilai-Bengkel Kajian Nilai (*Value Assessment*) pada 5 hingga 7 Mac 2018.

Laporan VA ini telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 7 Mei 2018 untuk keputusan selanjutnya. Sehingga kini masih belum ada maklum balas daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan perkara ini.

Adalah diharapkan dengan lawatan tapak yang diadakan oleh YB Menteri Kerja Raya membolehkan isu-isu berkaitan pembinaan Hospital Lawas dapat dikenalpasti. Ini bertujuan untuk membolehkan pembangunan kepada masyarakat luar bandar terus berkembang dalam usaha memperbaiki kualiti hidup masyarakat luar bandar.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
27 JULAI 2018**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my